

KETOKOHAN MAHMUD YUNUS DALAM BIDANG TAFSIR AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP KITAB *TAFSIR QUR'AN KARIM*

Khadher Ahmad¹
Khairuddin Mawardi²
Amin Maulana Maksum³
Sedek Ariffin⁴
Prof Madya Dr. Mustaffa Abdullah⁵

ABSTRAK

Mahmud Yunus adalah merupakan seorang tokoh ulama dalam bidang tafsir al-Quran. Karya beliau berjudul “*Tafsir Qur'an Karim*” adalah sebuah karya tafsir ringkas yang lahir di alam Melayu dan sehingga kini menjadi rujukan dalam masyarakat. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan ketokohan Mahmud Yunus melalui paparan latar belakang beliau dan usaha beliau menghasilkan karya tafsir tersebut. Dengan pendekatan tafsir yang ringkas dan padat serta catatan tafsiran dan penjelasan ayat pada nota kaki menjadikan karya ini berbeza dengan pendekatan ulama tafsir yang lain. Walaupun demikian, metode tafsiran masih menggunakan pendekatan ulama tafsir yang lain. Hasil analisis mendapati bahawa Mahmud Yunus telah mengaplikasikan lapan metode dalam mentafsirkan ayat iaitu metode tafsir ayat al-Quran dengan al-Quran, Mentafsir ayat al-Quran dengan hadith, Mentafsir ayat al-Quran dengan pandangan sahabat, Mentafsir ayat al-Quran melalui pendapat tabi'in, Mentafsir ayat al-Quran melalui pandangan akal, Mentafsir ayat al-Quran melalui makna kalimah, mengemukakan kata-kata pepatah dan tafsir ayat-ayat al-Quran melalui kisah-kisah.

Kata Kunci: Tokoh, Mahmud Yunus, Tafsir al-Quran, Kitab *Tafsir Qur'an Karim*.

¹ Fellow SLAI dan merangkap pelajar Ijazah Tinggi Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang sedang menyiapkan Ijazah Doktor Falsafah. Emel: kbd1997@gmail.com.

² Bekas pelajar Ijazah Tinggi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: khairuddi_ma@yahoo.com.

³ Calon PhD di Jabatan Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau sedang menyiapkan tesis dalam bidang tafsir al-Quran. Emel: aminmaulana@gmail.com.

⁴ Tenaga Pengajar dan merangkap calon PhD di Jabatan Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: sedek2001@hotmail.com.

⁵ Profesor Madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur merangkap Timbalan Pengarah, Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: musstaffa@um.edu.my.

Pengenalan

Para ulama memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan. Para ulama terawal di Nusantara juga telah menyumbangkan tenaga dan ilmu mereka ke arah pembangunan tersebut. Bidang penulisan karya menjadi salah satu daripada bidang yang mendapat tempat dalam kalangan ulama untuk menyemarakkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat selain melalui usaha pengajaran dan pendidikan.

Mahmud Yunus adalah salah seorang dari kalangan ulama di Nusantara yang telah berusaha memberikan suatu sumbangan kepada masyarakat melalui bidang penulisan. Karya *Tafsir Qur'an Karim* adalah salah satu daripada karya penulisan beliau yang dihasilkan dengan tujuan untuk memberi kefahaman al-Quran dengan ringkas dan mudah kepada masyarakat. Karya tersebut sekali pandang adalah seperti sebuah terjemahan al-Quran bukan karya tafsir. Namun, apabila diteliti dengan lebih dekat, karya tersebut bukan sekadar terjemahan ayat-ayat al-Quran, tetapi mengandungi tafsir ayat yang ringkas yang dihuraikan oleh pengarangnya dengan pendekatan yang menarik dan mudah.

Dari itu, artikel ini berusaha untuk mengetengahkan kewibawaan dan ketokohan Mahmud Yunus melalui karya tafsir ringkas beliau *Tafsir Qur'an Karim*. Huraian adalah melalui pendedahan maklumat berkaitan biografi tokoh yang meliputi latarbelakang kehidupan, pendidikan, pengurusan dan keterlibatan beliau dalam dunia pekerjaan dan sumbangan kepada masyarakat. Selepas itu, penjelasan tentang karya *Tafsir Qur'an Karim* yang meliputi latarbelakang karya dan metodologi pentafsiran karya tersebut serta keistimewaan karya ini berbanding dengan karya tafsir yang lain.

Skop dan Metodologi

Skop utama artikel ini adalah untuk mendedahkan ketokohan dan kewibawaan tokoh bernama Mahmud Yunus melalui karya penulisan yang dihasilkan iaitu *Tafsir Qur'an Karim*. Walau bagaimana pun, artikel ini akan menyebutkan secara ringkas biodata tokoh dan beberapa aspek dan maklumat-maklumat penting berkenaan dengan tokoh. Fokus utama adalah mendedahkan karya tafsir tersebut yang menjadi bahan kajian serta bukti kepada kewibawaan dan ketokohan Mahmud Yunus dalam bidang tafsir yang hampir menyamai ahli tafsir lain di Nusantara khususnya.

Oleh itu, artikel ini menekankan kepada penggunaan metodologi analisis deduktif bagi menjelaskan maklumat dan data yang bersifat umum dan terhad kepada huraian dan penjelasan yang lebih jelas dan terperinci. Di samping melalui metodologi perbandingan, artikel ini menggunakan metode pentafsiran ulama dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran supaya dapat

dibanding dengan usaha pentafsiran yang dilakukan oleh Mahmud Yunus dalam karya beliau tersebut bagi menghasilkan data sama ada ia menepati kaedah tafsiran ulama tafsir atau menyimpang atau melalui usaha dan pendekatan yang tersendiri.

Karya Tafsir Qur'an Karim

Tafsir Qur'an Karim adalah sebuah karya tafsir yang ringkas berbahasa Melayu yang ditulis menggunakan tulisan Rumi. Apabila dipandang kepada karya tafsir ini, ia seolah-olah seperti sebuah terjemahan al-Quran yang ditulis dan dihasilkan oleh Mahmud Yunus. Namun, apabila benar-benar diteliti dan dihalusi, ternyata ia adalah sebuah karya tafsir ringkas dan padat yang dikemukakan oleh Mahmud Yunus terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran.

Dalam meneliti kepada sejarah penulisan karya tafsir ini, menurut Mahmud Yunus, beliau telah mengada usaha awal untuk menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Indonesia yang bermula sejak bulan November 1922.⁶ Namun, usaha awal ini dilakukan melalui tulisan dalam majalah untuk bacaan orang ramai. Dari itu, ia telah diterbitkan secara berkala melalui beberapa siri dengan menggunakan tulisan Rumi. Keluaran pertama adalah menerusi *Majalah Tafsir al-Quran*.

Mahmud Yunus, usaha beliau untuk menghasilkan karya tafsir ini telah bermula sejak November tahun 1922 lagi di mana ia bermula melalui usaha beliau untuk menterjemahkan al-Quran.⁷ Namun, usaha awal ini adalah melalui penulisan beliau dalam majalah untuk disebar kepada orang ramai. Dengan itu, tafsir ini telah diterbitkan secara bersiri dan ditulis dengan huruf Jawi dalam bahasa Indonesia. Penerbitan kali pertama ini adalah menerusi *Majalah Tafsir al-Quran*.

Walaupun demikian, usaha ini tergendala seketika apabila Mahmud Yunus menyambungkan pengajian beliau di Mesir pada tahun 1924M. Usaha ini tergendala selama 11 tahun sehingga beliau menamatkan pengajian di sana pada bulan Ramadan 1354H/ Disember 1936M dan pulang ke Indonesia semula. Apabila telah pulang ke Indonesia, beliau berusaha untuk menyambung semula usaha pentafsiran yang telah ditinggalkan selama 11 tahun itu.

Pada peringkat awal, terjemahan ayat-ayat al-Quran pada awalnya ditulis mengikut juz-juz tertentu dalam al-Quran mengikut terbitannya setiap siri. Pada juz pertama sehingga tiga, usaha ini dilakukan oleh Mahmud Yunus tetapi pada juz keempat usaha ini telah dilakukan oleh H. Ilyas Muhammad Ali dengan bimbingan Mahmud Yunus.

⁶ Kenyataan ini dapat dirujuk di dalam pengenalan awal karya ini. Lihat Mahmud Yunus (1998), *Tafsir Qur'an Karim*, Selangor, Malaysia : Klang Book Centre, h. III.

⁷ *Ibid.*

Selepas beliau pulang daripada Mesir, barulah Mahmud Yunus berusaha untuk menyambung juz kelima. Dalam juz ini, beliau berusaha untuk membuat perubahan dengan mengadakan beberapa pembaikan pada kandungan karya di mana tidak hanya terjemahan semata-mata, tetapi telah dimasukkan dengan tambahan tafsiran terhadap beberapa ayat tertentu dan disertakan dengan kesimpulan terhadap isi al-Quran.⁸ Selepas itu, bermula dari juz yang ketujuh sehingga juz yang kelapan belas, Mahmud Yunus telah dibantu oleh H.M.K. Bakry. Dengan itu, karya ini telah dihasilkan oleh tiga orang pentafsir iaitu Prof. H. Mahmud Yunus, H. Ilyas Mohammad Ali dan H.M.K. Bakry.⁹

Oleh yang demikian, buat pertama kalinya terjemahan yang mengandungi tafsir secara lengkap 30 juz al-Quran, dapat diselesaikan dan disempurnakan oleh penyusun pada bulan April tahun 1938M dan dikeluarkan dengan terbitan pertama pada 21 Rabi'ul Awal 1357H bersamaan 21 Mei 1938M. Sedangkan sebelum itu karya tersebut hanya dikeluarkan secara berjuzuk pada setiap bulan.¹⁰

Latar Belakang Pengarang

Mahmud Yunus dilahirkan di sebuah desa yang bernama Sungayang, Batusangkar, Sumatera Barat, pada hari Sabtu pada 10 Februari 1899M bersamaan 30 Ramadhan 1361H.¹¹ Beliau berasal daripada keluarga sederhana di mana ayah beliau adalah seorang petani biasa. Namun demikian, bapa beliau merupakan seorang tokoh agama yang cukup masyhur ketika itu di sana. Bapa beliau bernama Yunus bin Incek dari suku Mandailing dan menjadi tenaga pengajar atau guru di surau yang kelolaan beliau sendiri. Ibu beliau bernama Hafsa binti M Thahir dari suku Chaniago. Moyang beliau dari pihak sebelah ibu, adalah seorang ulama besar di Sungayang, Batusangkar yang bernama Muhammad Ali atau masyhur dengan gelaran Tuangku Kolok.¹²

Beliau telah menerima pendidikan agama sejak kecil lagi di samping minat beliau yang tinggi dalam pengajian agama. Ketika berusia 7 tahun, beliau telah belajar membaca al-Quran di bawah bimbingan datuk beliau iaitu M. Thahir (Engku Gadang). Setelah tamat pembelajaran al-Quran, Mahmud Yunus menggantikan datuknya sebagai guru. Pada tahun 1908, Mahmud Yunus

⁸ Khairuddin Mawardi (2008), "Metodologi Pentafsiran Mahmud Yunus Dalam *Tafsir Qur'an Karim*", Disertasi Sarjana Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang lulus pada tahun 2008), h.83.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, h.84.

¹¹ Team Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Jakarta: Djambatan, h.592 dan Drs. Shalahuddin Hamid *et al.* (2003), *Seratus Tokoh Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta : P.T. Intimedia Cipta Nusantara, c.1. h.389.

¹² Mestika *et al.* (2001), *Riwayat Hidup Ulama Sumatera Barat dan Perjuangannya*, Padang: Angkasa Raya, h.146 dan Arpandi bin Ismail (2008) "Tafsir Al-Qur'an Di Sumatera, Indonesia: Kajian Terhadap Metodologi Kitab Tafsir Al-Qur'an al-Karim Oleh Abdul Halim Hassan, Zainal Arifin Abbas Dan Abdul Rahim Haitami " (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.103-104.

memasuki Sekolah Rakyat dan menuntut di sekolah tersebut selama tiga tahun. Namun, ketika berada pada kelas empat, beliau merasa bosan kerana pelajaran kelas sebelumnya diulang lagi. Beliau memutuskan untuk berpindah ke *madrasah* di Surau Tanjung Pauh yang bernama *Madras School* yang dibuka 4 November 1910. Guru besar *Madras School* iaitu H. Mummud Thaib Umar adalah seorang tokoh pembaharu Islam di Minangkabau.¹³

Pada tahun 1913, *Madras School* itu terpaksa ditutup kerana kekurangan tempat. Apabila Mahmud Yunus telah bertindak sebagai pengajar di sekolah terbabit, pada tahun 1918 beliau berusaha untuk membangunkan kembali sekolah terbabit. Berkat kesungguhan dan usaha beliau sekolah tersebut kembali beroperasi dengan lancarnya. Pada tahun 1923, *Madras School* ini ditukar nama menjadi *Diniyah School*. Kemudian pada tahun 1931, nama tersebut ditukar pula menjadi *al-Jami'ah Islamiyah*.¹⁴

Mahmud Yunus adalah seorang yang aktif sejak sekolah lagi. Semasa berada di *Madras School* beliau telah dilantik menjadi wakil kepada iaitu H. Mummud Thaib Umar, guru besar *Madras School* dalam perhimpunan besar alim ulama seluruh Minangkabau pada tahun 1919M sehingga beliau telah dipilih sebagai salah seorang anggota Persatuan Guru-Guru Agama Islam (PGAI). Beliau juga aktif dalam bidang penulisan dan pernah bersama-sama dengan kumpulan yang menerbitkan majalah Islam *al-Basyir*.

Pada bulan Mac 1923, Mahmud Yunus telah menunaikan ibadah Haji melalui Penang, Malaysia. Setelah menunaikan ibadah Haji, beliau meneruskan pembelajaran ke Mesir bagi melanjutkan pengajian yang selama ini menjadi cita-cita beliau. Beliau memulakan pengajian beliau di al-Azhar dalam tahun 1924 dan di Darul Ulum Ulya Kaherah sehingga tahun 1930.¹⁵ Di al-Azhar Mahmud Yunus mempelajari ilmu usul *fiqh*, ilmu tafsir, *fiqh* Hanafi dan sebagainya. Mahmud Yunus seorang murid yang cerdas, hanya dalam tempoh setahun, beliau berjaya mendapatkan “*Syahadah Alimiyah*” dari al-Azhar dan menjadi orang Indonesia kedua yang memperoleh gelaran itu.¹⁶

Dalam mewarnai pemikiran Mahmud Yunus, beliau banyak berguru dengan H. M. Thaib Umar¹⁷ yang merupakan seorang ulama yang banyak berjasa dalam membawa perubahan di Minangkabau di samping guru-guru yang lain sama ada di dalam atau luar negeri.

¹³ Republika. <http://www.Republika.co.id/>, 1 Oktober, 2004.

¹⁴ Mahmud Yunus (1996), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta: P.T. Hidakarya Agung, c.2. h.66.

¹⁵ Shalahuddin Hamid, Drs. *et al.* (2003), *op.cit.*, h.389-340.

¹⁶ Republika. <http://www.Republika.co.id/1> Oktober, 2004 dan Blog Persendirian, <http://luluvikar.wordpress.com/2005/08/23/biografi-mahmud-yunus/>, 27 Jun 2008.

¹⁷ H.M. Thaib Umar dilahirkan pada 8 Syawal 1291H bersamaan tahun 1847M di Sungayang Batusangkar. Setelah umur 7 tahun beliau mempelajari al-Quran daripada bapa beliau Umar Abd. Kadir selama lebih kurang 6 bulan lamanya. Kemudian beliau berpindah ke surau datuk beliau H. M. Yusuf (Engku Labai). Pada tahun 1300 H, beliau meneruskan lagi pengajian al-Quran dengan berguru kepada H. Muhd. Yasin di surau Tangah Sawah, Sungayang sehingga tamat pengajian al-Quran tersebut. Beliau juga sempat menamatkan pelajaran beliau dengan mempelajari kitab. Antara tempat pengajian kitab yang dihadiri beliau adalah seperti; Pengajian kitab di Surau Talao Padang

Ketokoham Mahmud Yunus juga terserlah sebagai seorang pemimpin dan ahli politik yang dinamik. Beliau turut serta dalam memperjuangkan dan mempertahankan kemerdekaan Republik Indonesia (RI). Pada tahun 1943 beliau telah dipilih sebagai Penasihat Residen dan mewakili Majlis Islam Tinggi. Manakala pada tahun yang sama juga beliau menjadi anggota Chu Sangi Kai juga sebagai Penasihat Residen.¹⁸

Mahmud Yunus juga dikenali sebagai tokoh yang proaktif dalam bidang penulisan. Menurut Drs. Shalahuddin Hamid dan Drs. Iskandar Ahza dalam buku *Seratus Tokoh Islam Paling Berpengaruh di Indonesia* menyebutkan bahawa, Mahmud Yunus menghasilkan tidak kurang daripada 49 buah karya berbahasa Indonesia dan 26 buah karya berbahasa 'Arab.¹⁹ Sebahagian daripada karya tersebut ada yang dicetak dalam tulisan Jawi. Karya beliau *Tafsir Qur'an Karim* mendapat pujian daripada ulama yang lain seperti Muhammad Nur Lubis dalam satu tulisan menyebutkan bahawa untuk pertama kali lahirnya terjemahan yang mengandungi tafsir al-Quran secara lengkap 30 juzuk al-Quran.²⁰

Muhammad Nur Lubis menyatakan bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh Mahmud Yunus yang merangkumi berbagai bidang keilmuan seperti tafsir,²¹ bahasa Arab,²² *fiqh* dan *usul fiqh*²³,

Ganting, Batusangkar, iaitu surau tuan Syeikh H. Abd. Mannan yang masyhur dengan pengajian ilmu Fiqhnya dan Pengajian Kitab di Padang Kandis, Suliki, iaitu di surau Syeikh M. Salih (bapa Syeikh Abd. Wahid Tabat Gadang). Setelah menamatkan pembelajaran dan pengajian beliau di Minangkabau, beliau meneruskan pengajian dengan pergi ke Makkah dan menghabiskan masa lebih kurang 5 tahun. Di sana beliau belajar ilmu agama dan bahasa Arab pada tuan Syeikh Ahmad Khatib ulama Minangkabau yang termasyhur di Makkah dan ulama-ulama lain. Setelah kembali pulang ke Sungayang, beliau membuka sebuah pusat pengajian kitab. Pengajian itu pada mulanya berlangsung di surau bapa beliau di Batu Bayang. Kemudian beliau membangunkan surau sendiri di Tanjung Pauh Sungayang. Maka banyak pelajar-pelajar datang ke surau tersebut dari beberapa negeri seluruh Minangkabau. Setelah tiga tahun menderita penyakit, beliau meninggal dunia pada petang Rabu 6 Zulkaidah 1338 H bersamaan 22 Julai 1920 M dalam usia 47 tahun. Beliau telah meninggalkan jasa yang sangat besar bagi bangsa baik dalam dunia pendidikan mahupun dalam dunia jurnalistik klasik. Lihat Drs. Shalahuddin Hamid *et al.* (2003), *op.cit.*, h.428-429 dan lihat juga Khairuddin Mawardi (2008), *Op.cit.*, h.68.

¹⁸ Khairuddin Mawardi (2008), *Ibid.*, h.69.

¹⁹ Drs. Shalahuddin Hamid *et al.* (2003), *op.cit.*, h.392.

²⁰ Muhammad Nur Lubis (2002), *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran al-Qur'an*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher, c.1. h.21 dan

²¹ Antara nama-nama karya dalam bidang ini adalah *Tafsir Quran Karim 30 Juz (1938)*, *Tafsir al-Fatihah*, *Tafsir Ayat Akhlak*, *Pelajaran Huruf al-Quran I*, *Pelajaran Huruf al-Quran II*, *Kesimpulan Isi al-Quran*, *Alif Ba-Ta wa Juz Amma*, *Muhadarah al-Isra'iliyah fi Tafsir wa al-Hadith*, *Kamus al-Qura'an I*, *Kamus al-Qur'am II*, *Kamus al-Quran Juz 1-30 dan Surah Yasin dan Terjemahannya*. Lihat Khairuddin Mawardi (2008), *Op.cit.*, h.74.

²² Antara karya dalam bidang Bahasa 'Arab adalah *Pelajaran Bahasa Arab I*, *Pelajaran Bahasa Arab II*, *Pelajaran Bahasa Arab III*, *Pelajaran Bahasa Arab IV*, *Durus al-Lughah al-Arabiyah ala Tariqah al-Hadith(1900)*, *Metodik Khusus Bahasa Arab (1900)*, *Kamus Arab-Indonesia*, *Contoh Tulisan Arab*, *Mutala'ah wa Mahfuzah (Bedah Buku dan Kata Mutiarah)*, *Durus al-Lughah al-Arabiyah I*, *Durus al-Lughah al-Arabiyah II*, *Durus al-Lughah al-Arabiyah III*, *Muhadathah al-Arabiyah*, dan *Al-Mukhtarah li al-Mutala'ah wa al-Mahfuzah*. Lihat *Ibid.*, h.74.

²³ Karya dalam bidang *Fiqh* dan *Usul Fiqh* seperti *Marilah Sembahyang I*, *Marilah Sembahyang II*, *Marilah Sembahyang III*, *Marilah Sembahyang IV*, *Puasa dan Zakat*, *Haji ke Mekkah*, *Hukum Warisan dalam Islam*, *Hukum Perkawinan dalam Islam*, *4 Mazhab*, *Pelajaran Sembahyang untuk Orang Dewasa*, *Manasik Haji untuk Orang Dewasa*, *Soal Jawab Hukum Islam*, *Al-Fiqh Wadih I*, *Al-Fiqh Wadih II*, *Al-Fiqh Wadih III*, *Mabadi' al-Fiqh Wadih*, *Al-Fiqh Wadih al-Tsanawy*, *Tarikh al-Fiqh al-Islamy (Sejarah Fiqh Islam)* dan *Al-Masa'il al-Fiqhiyah 'ala al-*

akidah²⁴, pendidikan²⁵. Karya yang paling masyhur adalah karya *Tafsir Qur'an Karim* dalam bidang tafsir.²⁶

Semasa hidup beliau, Mahmud Yunus banyak terlibat dalam usaha mengangkat pendidikan agama Islam ke dalam sekolah-sekolah pemerintah. Pada bulan Mac tahun 1945, beliau telah dilantik sebagai Pemeriksa Agama oleh Residen Sumatera Barat. Perlantikan tersebut memberi peluang kepada memasukkan pendidikan Islam ke dalam sistem pendidikan pemerintah di sekolah-sekolah. Apabila Indonesia merdeka pada 17 Ogos 1945, beliau masih memegang jawatan tersebut lalu beliau telah mengusahakan supaya pendidikan agama di sekolah-sekolah pemerintah ditetapkan dengan rasmi dan para guru diberikan gaji seperti guru-guru sekolah umum. Usaha ini mendapat persetujuan pemerintah dan Menteri Agama.

Kemudian pada 1 Januari 1951, beliau dilantik sebagai kepala penghubung Pendidikan Agama pada Departmen Agama di Jakarta oleh KH Abdul Wahid Hasyim selaku Menteri Agama waktu itu. Setelah PTAIN di Yogyakarta dibangunkan, Mahmud Yunus telah dijemput sebagai pensyarah tetapi beliau menolaknya kerana mahu perguruan tinggi berada di pusat (Jakarta). Lalu beliau berusaha untuk membangunkan PTAIN di Jakarta walaupun usaha tersebut gagal.²⁷

Akhirnya pada awal tahun 1970 kesihatan Mahmud Yunus mula menurun dan beliau berulang alik ke rumah sakit (hospital). Namun beliau masih bertahan dan berkhidmat untuk masyarakat dan ilmu pengetahuan sehingga pada 16 Januari 1983, beliau menghembuskan nafas yang terakhir ketiak berusia 84 tahun di kediaman beliau, Kelurahan Kebon Kosong Jakarta Pusat. Sehari kemudian beliau dikebumikan di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.²⁸

Hasil Kajian

Metodologi Pentafsiran dalam Karya *Tafsir Qur'an Karim*

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dilakukan, didapati bahawa Mahmud Yunus mempunyai kaedah dan pendekatan tersendiri dalam mentafsiran ayat-ayat al-Quran. Beliau

Madhahib al-Arabiyah (Studi Perbandingan Antar Mazhab Tentang Beberapa Hukum Islam, 1981), Kumpulan Do'a, Do'a-do'a Rasulullah dan Mudhakarrah Usul al-Fiqh. Lihat Ibid., h.75.

²⁴ Karya dalam bidang akidah dan tauhid adalah seperti *Keimanan dan Akhlak I, Keimanan dan Akhlak II, Keimanan dan Akhlak III, Keimanan dan Akhlak IV, Beriman dan Berrbudi Pekerti, Lagu-lagu Baru Pendidikan Agama/Akhlak, Akhlak Bahasa Indonesia, Moral Pembangunan Dalam Islam, Akhlak dan Durus al-Tawhid*. Lihat *Ibid.*, h.75.

²⁵ Manakala karya beliau dalam bidang pendidikan adalah *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia (1996), Pendidikan di Negara-Negara Islam dan Intisari Pendidikan Barat (1968), Pengetahuan Umum dan Ilmu Mendidik, Methodik Khusus Pendidikan Agama, Pengembangan Pendidikan Islam di Indonesia, Pokok-pokok Pendidikan dan Pengajaran dan Al-Tarbiyah wa al-Ta'lim (Pendidikan dan Pengajaran)*. Lihat *ibid.*

²⁶ Muhammad Nur Lubis (2002), *Op.cit.*, h.18.

²⁷ Khairuddin Mawardi (2008), *Op.cit.*, h.71-72.

²⁸ *Ibid.*, h.77.

masih mengaplikasikan metode tafsiran ulama tafsir dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Ini bermakna beliau bukan mentafsirkan berdasarkan pemahaman beliau semata-mata, tetapi mengikut *manhaj* ulama tafsir dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran.

Oleh yang demikian, didapati bahawa Mahmud Yunus dalam *Tafsir Qur'an Karim* telah mengaplikasikan lapan metode pentafsiran dalam mentafsiran ayat-ayat al-Quran iaitu:

[Pertama]: Mentafsir Ayat al-Quran dengan al-Quran (*al-Qur'an bi al-Qur'an*)

Antaranya, ketika beliau mentafsirkan ayat 228 dalam Surah al-Baqarah yang berkaitan dengan wanita yang ditalak oleh suaminya, iaitu firman Allah s.w.t.²⁹

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ اللَّهُ فِي أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنُنَّ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ وَبِعُولَتِهِنَّ أِحْقُ بِرِدَّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا ۚ وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

Maksudnya: "Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa 'iddah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai. Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak). Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Dalam menjelaskan tafsiran bagi ayat di atas, ia menyentuh tentang 'iddah perempuan yang kematian suaminya (talak mati), iaitu empat bulan sepuluh hari, dengan menyebutkan ayat 234 juga dari Surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ

Maksudnya: "Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (ber'iddah) empat bulan sepuluh hari."

[Kedua]: Mentafsir Ayat al-Quran dengan hadith Rasulullah SAW (*al-Qur'an bi al-Hadith*)

²⁹ *Ibid.*, h. 49-50.

Antara bukti Mahmud Yunus mengaplikasikan metode ini adalah ketika beliau mentafsirkan dan menjelaskan ayat 17-18, Surah al-Tawbah³⁰, iaitu firman Allah SWT:

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِم بِالْكَفْرِ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ
وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿١٧﴾ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Tidaklah layak orang-orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang-orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka. Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk".

Mahmud Yunus menyebutkan bahawa orang-orang kafir tidak berhak untuk memakmurkan masjid Allah SWT dan jika mereka memakmurkannya sekalipun, tidak ada sebarang pahala di sisi Allah SWT. Begitu juga orang yang memakmurkan masjid kerana hendak tuah dan kemegahan dunia, bukan kerana Allah SWT, maka mereka juga tidak mendapat pahala. Apa yang dimaksud memakmurkan masjid adalah beribadat di dalam masjid, memperbaiki binaan masjid, membersihkan dan lain-lain. Begitu juga ziarah ke masjid al-Haram (haji dan umrah) ke Makkah. Lalu beliau mengukuhkan lagi dengan sabda Nabi SAW:

مَنْ بَنَىٰ مَسْجِدًا لِلَّهِ بَنَىٰ اللَّهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ مِثْلَهُ³¹

Maksudnya: "Barang siapa yang membina masjid kerana Allah s.w.t, Allah akan membina baginya di Syurga seperti binaan tersebut".

[Ketiga]: Mentafsir Ayat al-Quran dengan Pandangan Sahabat.

Pendekatan ini dapat dilihat ketika beliau mentafsirkan ayat 71 dalam surah al-Nisa', iaitu firman Allah SWT:³²

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا خُدُوعًا وَحَدْرًا كُمْ فَانْفِرُوا ثُبَاتٍ أَوْ اَنْفِرُوا جَمِيعًا ﴿٧١﴾

³⁰ *Ibid.*, h. 263.

³¹ Hadith riwayat Muslim [Bab Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Salah, Bab Fadl Bina' al-Masjid wa Hathth 'alayha, hadith 829], lihat Muslim (1987), *op.cit.*, j.3, h. 130.

³² *Ibid.*, h. 121.

Maksudnya: "*Wahai orang-orang yang beriman, bersedialah dan berjaga-jagalah (sebelum kamu menghadapi musuh), kemudian (bila dikehendaki) maralah (ke medan perang) sepuak demi sepuak, atau (jika perlu) maralah serentak beramai-ramai.*"

Dalam menjelaskan perkara ini, Mahmud Yunus membawa kata-kata seorang Sahabat iaitu Abu Bakr al-Siddiq RA yang berkata:

"...Perangilah musuhmu dengan seumpama senjata yang mereka gunakan untuk memerangimu, pedang lawan pedang, lembing lawan lembing."

[Keempat]: Mentafsir Ayat al-Quran Melalui Pendapat Tabi'in.

Aplikasi terhadap metode ini dapat dirujuk dalam tafsiran beliau ketika ayat 32-33, Surah al-A'raf.³³ Firman Allah SWT:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾ قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ
مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنٌ وَالْأَثَمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا
عَلَى اللَّهِ مَا لَا نَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: "*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?" katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang Yang beriman sahaja) pada hari kiamat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui (32) Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkanNya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya".*

Dalam menjelaskan ayat ini, Mahmud Yunus memetik pendapat yang dikemukakan oleh Yahya bin Jabir RA. Beliau berkata;

³³ *Ibid.*, h. 213.

"Telah sampai kepadaku, bahawa sebahagian yang keji, yang dilarang Allah dalam kitabNya, ialah mengahwini seorang laki-laki akan seorang perempuan, apabila perempuan itu melahirkan anak, lalu ditalaknya tanpa ada sebab masabahnya".³⁴

[Kelima]: Mentafsir Ayat al-Quran Melalui Pandangan Akal.

Selain menggunakan pendekatan tafsir yang disebutkan sebelum ini, Mahmud Yunus turut memberikan pandangan beliau sendiri dalam mentafsirkan sesuatu ayat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui tafsiran beliau pada ayat 17 dalam Surah al-Anfal, iaitu firman Allah SWT;³⁵

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ وَلِيُبْلِيَ الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَاءٌ حَسَنًا ۚ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang menyebabkan pembunuhan mereka. dan bukanlah Engkau (Wahai Muhammad) yang melempar ketika Engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir), dan untuk mengurniakan orang-orang yang beriman Dengan pengurniaan yang baik (kemenangan) daripadanya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

Selepas menyebutkan berkaitan pertolongan Allah dalam peperangan Badar yang disertai oleh 300 orang Islam yang menghadapi musuh seramai 1000 orang, seperti mana dijelaskan Allah dalam ayat tersebut, Mahmud Yunus mengemukakan padangan beliau terhadap kemenangan yang diperoleh dalam peperangan dari tahun 1945 hingga 1950. Beliau menyebutkan agar, tidak bermegah-megah dengan kemenangan tersebut, dan mengeluarkan kenyataan bahawa telah banyak berjasa, banyak membunuh musuh dan sebagainya. Tetapi menyakini bahawa itu adalah semata-mata pertolongan dari Allah s.w.t. Kata-kata beliau iaitu;

"Dalam ayat ini pengajaran kepada kita, iaitu apabila kita mendapat kemenangan dalam perjuangan atau pertempuran, terutama bila kita sedikit dan musuh kita banyak atau alat kita kurang sedang alat senjata musuh cukup, seperti terjadi dalam perjuangan dari tahun 1945 sampai tahun 1950, maka janganlah kita bermegah-megah dan berkata sombong, bahwa kita yang banyak berjasa, banyak membunuh musuh dan sebagainya. Melainkan semuanya itu adalah pertolongan Allah dan kurniaNya, bahkan Allah yang mengalahkan musuh itu, kerana Dia yang memberanikan hati kita dan menakutkan hati musuh".³⁶

[Keenam]: Mentafsir Ayat al-Quran Melalui Makna Kalimah.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid., h. 248.

³⁶ Ibid.

Mahmud Yunus turut memberikan tafsiran sesuatu ayat al-Quran dengan penjelasan terhadap sesuatu kalimah yang bersesuaian yang sukar difahami. Contohnya, makna kalimah "Qulub" pada ayat 57 Surah al-Kahf, iaitu firman Allah s.w.t;³⁷

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ فَأَعْرَضَ عَنْهَا وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاؤُهُ إِنَّا جَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ
أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا

Maksudnya: "Dan siapakah yang lebih zalim dari pada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhannya lalu dia berpaling dari padanya dan melupakan apa yang telah dikerjakan oleh kedua tangannya? Sesungguhnya kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka, (sehingga mereka tidak) memahaminya, dan (Kami letakkan pula) sumbatan di telinga mereka.."

Mahmud Yunus menyebutkan bahawa;

"Qulub (قلوب) jamak kepada kalimah Qalb (قلب). Arti Qalb jamak Qulub banyak, seperti jantung, hati, ruh, ilmu, faham dan akal. Hendaklah pakai salah satu dari arti-artinya itu menurut yang sesuai dengan susunan kalimah al-Quran".

[Ketujuh]: Mengemukakan Kata-Kata Pepatah Dalam Mentafsir Ayat al-Quran.

Mahmud Yunus juga turut memasukkan dalam tafsiran kata-kata pepatah yang bersesuaian dalam tafsirannya yang sesuatu dengan budaya tempatan atau masyarakat Melayu. Contohnya, pada Surah al-Shura, ayat 23, iaitu firman Allah SWT,³⁸

ذَلِكَ الَّذِي يُبَشِّرُ اللَّهُ عِبَادَهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ
فِي الْقُرْبَىٰ وَمَنْ يَقْتَرِفْ حَسَنَةً نَّزِدْ لَهُ فِيهَا حُسْنًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ

Maksudnya: "(Limpah kurnia yang besar) itulah yang Allah gembirakan (dengannya) hamba-hambanya yang beriman dan beramal soleh. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang Aku sampaikan itu, (yang Aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya Aku tidak disakiti)". Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu perkara yang baik, Kami tambahi kebaikan baginya (dengan menggandakan pahala) kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadanya)".

³⁷ Ibid., h. 428.

³⁸ Ibid., h. 716-717

Daripada ayat ini, beliau menyebutkan agama Islam mementingkan kasih sayang terhadap semua orang dan tidak boleh tuduh menuduh, umpat mengumpat atau hina menghina sesama Islam. Dari itu juga umat Islam amat digalakkan untuk menjaga pergaulan dan memelihara silaturahim sesama mereka. Sebab itu, beliau menyebutkan, kebanyakan orang hanya nampak keaiban orang lain sahaja, tidak pula melihat keaiban diri sendiri. Beliau mengumpamakan seperti kata pepatah; "*Gajah dikelopak mata tidak kelihatan, tetapi tuma (kuman) diseberang lautan kelihatan*".³⁹

[**Kelapan**]: Tafsir Ayat-Ayat al-Quran Dengan Mengemukakan Kisah Nabi-Nabi (*Qasas al-Anbiya'*) dan Kisah-Kisah Umat Terdahulu.

Pendekatan ini dapat dilihat dalam beberapa surah seperti Surah al-A'raf, ayat 73-79, Mahmud Yunus meletakkan tajuk "Kisah Salih AS", iaitu beliau menceritakan tentang kisah Nabi Salih AS yang diutuskan kepada kaum Thamud.⁴⁰ Begitu juga pada surah yang sama, pada ayat 80-84, dengan tajuk kecil "Kisah Luth AS", iaitu beliau merujuk kepada ayat tersebut untuk menceritakan tentang kisah Nabi Luth AS yang telah diutuskan kepada kaumnya.⁴¹ Manakala, pada ayat 85 pula, dalam surah yang sama, beliau menyebutkan tentang kisah Nabi Syu'aib AS di bawah tajuk kecil "Kisah Syu'aib AS."⁴² Dalam Surah al-Kahf pula, beliau menyebutkan tentang Kisah Nabi Musa Dengan Khaidir, iaitu dalam menjelaskan ayat 60 hingga ayat 82, Surah al-Kahfi.⁴³

Bukti Ketokohan dan Kewibawaan Mahmud Yunus Melalui Karya *Tafsir Qur'an Karim*

Berdasarkan kepada huraian dan penjelasan yang telah dikemukakan jelaskan menunjukkan kewibawaan dan ketokohan Mahmud Yunus dalam bidang tafsir al-Quran. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara yang dapat membuktikan kewibawaan dan ketokohon Mahmud Yunus khususnya dalam bidang tafsir melalui karya beliau tersebut iaitu:

Pertama: Kemampuan untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang terpilih.

Sesuatu yang cukup menarik untuk disebutkan adalah berkaitan dengan kemampuan dan keilmuan yang dimiliki oleh Mahmud Yunus. Dalam karya tersebut, beliau tidak mentafsirkan keseluruhan ayat satu persatu di dalam al-Quran. Namun, ayat-ayat tersebut dipilih sendiri oleh beliau berdasarkan kepada kesesuaian dan pilihan daripada pihak beliau sendiri.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*, h. 221.

⁴¹ *Ibid.* h. 223.

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*, h. 429-432

Tambahan lagi, pemilihan ayat-ayat untuk ditafsirkan tersebut, tidak hanya berkaitan ayat-ayat hukum semata-mata tetapi merangkumi pelbagai aspek ayat yang disentuh seperti penggunaan ayat al-Quran yang lain bagi mentafsirkan ayat-ayat al-Quran memerlukan penjelasan lanjut, atau menggunakan hadith, pendapat sahabat dan pendapat para tabi'in. Selain itu, tafsiran juga tertumpu kepada penjelasan makna kalimah-kalimah tertentu yang dipilih dan mengaitkan dengan kisah-kisah dan lain-lain lagi. Keadaan tersebut menunjukkan kepada keluasan dan keilmuan yang dimiliki oleh Mahmud Yunus.

Kedua: Pengaplikasian metode *tafsir bi ma'thur* dalam tafsiran yang ringkas.

Walaupun tafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran di dalam karya ini dikemukakan dalam bentuk tafsiran yang ringkas, namun Mahmud Yunus masih menekankan kepada penggunaan metode pentafsiran ayat menggunakan metode *tafsir bi al-Ma'thur*. Perkara ini telah dijelaskan oleh pengkaji sebelum ini dalam menjelaskan metode tafsiran karya tafsir itu. Tambahan lagi, beliau juga dengan jelas menjadikan karya-karya *tafsir bi al-ma'thur* seperti *Tafsir al-Tabari* dan *Tafsir Ibn Kathir* sebagai rujukan dalam tafsiran yang dilakukan. Dengan demikian, ia menunjukkan bahawa tafsir ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang menekankan kepada metode tafsiran yang terbaik dalam tafsiran ayat sekalipun ianya hanya sebuah tafsiran yang ringkas.

Ketiga: Rujukan kepada karya *tafsir mu'tabar* yang lain dalam tafsiran.

Mahmud Yunus menyebutkan bahawa beliau telah menjadikan beberapa sumber rujukan daripada karya-karya tafsir yang lain untuk mentafsirkan sesuatu ayat. Antaranya adalah *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir al-Qasimi*, *Tafsir Fajrul Islam*, dan *Tafsir Zuhr al-Islam*.⁴⁴ Daripada sumber-sumber rujukan ini, memperlihatkan bahawa Mahmud Yunus bukan melakukan tafsiran berdasarkan pandangan akal beliau semata-mata, tetapi ia didasari dengan rujukan yang *mu'tabar* dan pemahaman yang jitu daripada pihak beliau sendiri terhadap sesuatu ayat al-Quran. Oleh itu, ia tidak lain melainkan berdasarkan kepada keilmuan dan kemampuan yang ada pada beliau.

Keempat: Penggunaan bahasa yang mudah dan huraian yang tidak terlalu panjang.

Dalam pada itu, penggunaan bahasa dalam tafsir ini adalah bahasa yang mudah dan ringkas sahaja. Tambahan lagi, perbhasan terhadap tafsiran ayat hanya diletakkan pada nota kaki. Ia menunjukkan bahawa perbhasannya tidak terlalu panjang dan tidak pula berjela-jela sehingga menyebabkan perbhasannya terlalu panjang. Selain itu, Mahmud Yunus juga turut membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap perbhasan dalam keseluruhan tafsir tersebut dengan mengemukakan tajuk-tajuk utama yang disertakan dengan nama surah dan ayat-ayat yang berkaitan dengan tajuk-tajuk tersebut. Ia dinamakan sebagai "*Kesimpulan Isi Qur'an*". Dalam

⁴⁴ Mahmud Yunus (1998), *Tafsir Quran Karim*, Selangor, Malaysia : Klang Book Centre, hlm VI.

“*Kesimpulan Isi Qur'an*” ini, ia adalah sesuatu perbahasan secara *mawdu'i* (bertopik) yang mengumpulkan pelbagai ayat-ayat al-Quran yang berkaitan antara satu sama lain terhadap sesuatu tajuk perbahasan.⁴⁵

Kelima: Memberikan satu pendekatan baru dalam tafsiran melalui huraian dalam nota kaki

Suatu pendekatan yang berbeza dengan karya tafsir yang lain bagi karya *Tafsir Qur'an Karim* ini adalah penggunaan nota kaki sebagai penjelasan dan tafsiran kepada ayat-ayat yang ditafsirkan. Ini bermakna, sesuatu ayat al-Quran dijelaskan dan ditafsirkan oleh Mahmud Yunus dengan penjelasan serta keterangannya diletakkan pada nota kaki, bukan pada halaman utama. Seolah-olah, apabila dilihat sekali pandang, karya ini tidak lebih hanya sebuah terjemahan al-Quran semata-mata.

Keenam: Mengaitkan tafsiran ayat dengan kisah-kisah Nabi dan umat terdahulu.

Berhubung dengan perkara ini, Mahmud Yunus juga mahu menjadikan karya tafsir ini bukan hanya penjelasan tentang hukum, atau pemahaman terhadap sesuatu ayat semata-mata, tetapi usaha beliau yang mahu menengahkan juga kisah-kisah para Nabi dan umat terdahulu. Tujuannya tidak lain, melainkan mahu menjadikan karya ini lebih menarik dan bersifat menyeluruh. Dalam hal ini beliau ada menyebutkannya pada awal karya tersebut, iaitu;⁴⁶

"Dalam tafsir Quran ini kisah nabi-nabi dan rasul-rasul disebutkan sebagaimana termaktub dalam al-Quran tanpa ditambah dengan riwayat-riwayat ahli kisah atau Israiliyyat, supaya suci tafsir al-Quran dari campuran yang datang dari luar. Apa yang disebutkan oleh al-Quran bukan cerita-cerita biasa, melainkan untuk mengambil iktibar dan pengajaran dari sejarah umat terdahulu." Firman Allah;

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

Terjemahannya: "Sesungguhnya dalam kisah-kisah mereka itu ada 'ibrah (pengajaran, contoh teladan) bagi orang-orang yang berakal".⁴⁷

Ketujuh: Membuat kesimpulan dengan menyatakan intisari penting daripada pentafsiran yang dilakukan.

Di akhir karya ini, Mahmud Yunus telah merumuskan perbahasan dengan menyatakan tajuk-tajuk tertentu yang utama yang dibahaskan dalam al-Quran. Pendekatan yang digunakan adalah dengan mengemukakan sesuatu tajuk utama diikuti tajuk-tajuk kecil di bawahnya yang berkaitan,

⁴⁵ Mahmud Yunus (1998), *op.cit.*, h.I.

⁴⁶ Mahmud Yunus (1998), *op.cit.*, h.VI-VII.

⁴⁷ Surah Yusuf ayat 111.

lalu dinyatakan nama surah dan nombor ayat serta halaman yang menyebutkan tentang sesuatu tajuk itu. Ia dinamakan sebagai “*Kesimpulan Isi Qur'an*”. Pendekatan ini memberi kemudahan kepada pembaca untuk mencari dan merujuk serta memahami kandungan serta perbahasan sesuatu ayat. Bahkan pendekatan ini adalah pendekatan yang agak menarik jika dibandingkan dengan perbahasan yang panjang dan dipaparkan pula dalam bentuk *mawdu'i* (bertopik).

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbahasan yang telah dikemukakan, jelas memperlihatkan ketokohan dan kewibawaan Mahmud Yunus dalam lapangan ilmu dan bertindak sebagai seorang ulama yang berkaliber khususnya dalam bidang tafsir al-Quran. Karya *Tafsir Qur'an Karim* menjadi bukti kepada kewibawaan dan ketokohan tersebut. Kemampuan Mahmud Yunus untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran sepertimana para ulama tafsir dengan mengaplikasikan metode *tafsir bi al-ma'thur* sekalipun tafsiran yang dikemukakan adalah sebuah tafsiran ringkas dan padat. Tambahan lagi, tafsiran tersebut mengemukakan kesimpulan terhadap keseluruhan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk *mawdu'i* (bertopik) yang memberi satu panduan kepada pembaca dengan mudah untuk meneliti dan mencari ayat-ayat al-Quran yang saling berkaitan dengan sesuatu tajuk. Bukan sahaja tajuk-tajuk disebutkan, tetapi disertakan dengan nama surat, nombor ayat serta halaman sebagai rujukan kepada tempat ayat tersebut.

Oleh yang demikian, keseluruhannya karya ini menjadi bukti kepada ketokohan dan kewibawaan Mahmud Yunus dalam bidang tafsir al-Quran. Diharapkan karya ini akan menjadi pedoman dan rujuk kepada semua masyarakat untuk mengambil manfaat dan panduan terhadap perbahasan dan pentafsiran yang dikemukakan khususnya bagi masyarakat di Malaysia.

Bibliografi dan Rujukan

- Mahmud Yunus (1998), *Tafsir Qur'an Karim*, Selangor, Malaysia : Klang Book Centre.
- Muhammad Nur Lubis (2002), *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran al-Qur'an*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Khairuddin Mawardi (2008), “Metodologi Pentafsiran Mahmud Yunus Dalam *Tafsir Qur'an Karim*”, Disertasi Sarjana Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang lulus pada tahun 2008).
- Team Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Jakarta: Djambatan, h.592 dan Drs. Shalahuddin Hamid *et al.* (2003), *Seratus Tokoh Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta : P.T. Intimedia Cipta Nusantara.
- Mestika *et al.* (2001), *Riwayat Hidup Ulama Sumatera Barat dan Perjuangannya*, Padang: Angkasa Raya.
- Arpandi bin Ismail (2008) "Tafsir Al-Qur'an Di Sumatera, Indonesia: Kajian Terhadap Metodologi Kitab Tafsir Al-Qur'an al-Karim Oleh Abdul Halim Hassan, Zainal Arifin

- Abbas Dan Abdul Rahim Haitami " (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Mahmud Yunus (1996), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mat Zain et al. (2006), *Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, Malaysia: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof, Zulkifli Hj. (1996), *Kunci Mengenal al-Quran*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad, Abd Jalal dan Abdullah Syah (1983), *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*, Medan: Majlis Ulama Sumatera Utara
- Nasution, Harun (1975), *Pembaharuan dalam Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Sa'id, Fu'ad (1998), *Peranan Ulama Dalam Merebut dan Mengisi Kemerdekaan RI*, Medan: Pustaka Babussalam.
- Saman, Tajuddin (1993), *Tokoh Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Azra, Azyumardi Dr. (2004), *The Origins Of Islamic Reformism In Southeast Asia: Networks Of Malay-Indonesian And Middle Eastern 'Ulama' In The Seventeenth And Eighteenth Centuries*, Hawaii: University of Hawaii Press.
- Deliar Noer (1973) *The Modernist Muslim Movement In Indonesia 1900-1942* Singapore Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Gillert E (1971), *Intellectual History: It's Aims and Methods*, New York: State University of New York.
- Johns (1988), "Quranic Exegesis in The Malay World" dalam Andrew Rippin (ed.) *Approaches to the History of The Interpretation of Quran*, Oxford: Clarendon Press.
- P. Riddell (1989), *Earliest Quranic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States*, Archipel
- Peter Riddell (1989), "Earliest Quranic Exegetical Activity In The Malay-Speaking States", *Archipel*, No.38.